

Subjek kepenggunaan akan diperkenal: Najib

BH - 26/7/2007

Kerajaan pertimbang jadikan sisipan mata pelajaran di sekolah



Oleh Wan Jailani Razak


SHAH ALAM: Datuk Seri Najib Razak berkata kerajaan sedang menimbang untuk memasukkan subjek kepenggunaan dalam kurikulum sekolah rendah serta menengah bagi melahirkan generasi pengguna lebih bijak dan bermaklumat.

Timbalan Perdana Menteri menjelaskan ia bukan membabitkan pengenalan mata pelajaran baru, tetapi sisipan kepada subjek sedia ada agar pelajar mendapat pendedahan secukupnya dari peringkat awal mengenai kepenggunaan.

Tanpa menyatakan mata pelajaran yang dimasukkan dengan subjek kepenggunaan itu, beliau berkata, perkara terbabit masih dibincang antara Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) dan Kementerian Pelajaran.

"Jika kita dapat mengajar kepenggunaan sebagai sebahagian kurikulum, kita dapat mewujudkan golongan pengguna lebih bijak, tahu guna hak dan pergerakan kepenggunaan menjadi lebih kuat.

"Penekanan diberi kepada aspek gerakan kepenggunaan secara kumpulan dan individu, bagaimana menjadi pengguna bijak, membanding harga, tahu di mana kedai menjual



TINGKAT PENGETAHUAN: Najib merasmikan Karnival Pengguna Malaysia sempena Sambutan Hari Pengguna Malaysia 2007 sambil diperhatikan Mohd Shafie dan Dr Mohamad Khir (kanan) di Stadium Malawati, di Shah Alam, semalam.

harga munasabah, mendapatkan barangan berkualiti dan tahu hak pengguna jika dianiaya," katanya ketika merasmikan Karnival Pengguna Malaysia sempena Sambutan Hari Pengguna Malaysia 2007 di Stadium Malawati, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal dan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo.

Tema sambutan kali ini 'Pengguna Bijak, Menjana Ekonomi Negara' disifatkan relevan dan bertepatan konsep Pengguna Bijak yang diwujudkan bagi melahirkan masyarakat pengguna bermaklumat, proaktif,

progresif dan bertanggungjawab.

Terdahulu ketika berucap, Najib menyarankan pengguna bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kepenggunaan kerana persatuan pengguna elemen penting dalam menyatukan pengguna.

INFO

- **Anugerah Tokoh Pengguna**
Presiden Persatuan Pengguna Sabah, Datuk Patrick Sindu
- **Anugerah Syarikat Mesra Pengguna**
Petronas

Katanya, peranan pengguna boleh diperkuatkan dengan mewujudkan jaringan perhubungan yang rapat dengan NGO, bukan saja secara konvensional, malah menerusi penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi.

"NGO yang ada rangkaian di negeri perlu menggunakan sumber dengan lebih efisien dalam mewujudkan persekitaran selesa antara pengguna dan peniaga.

"Dengan ini, kedua-dua pihak dapat membantu kerajaan dengan memainkan peranan sebagai pemantau dalam memastikan persekitaran perdagangan yang sihat dan beretika," katanya.